

# FPEP ke arah merealisasikan EcoCampus

UB 8.6.2016 A6

KOTAKINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program Eco-FPEP yang dianjurkan oleh HE06 Green Team, sebuah kelab yang bernaung di bawah program Pengurusan Kewangan dan Perbankan (HE06), baru-baru ini.

Program yang bertemakan 'Green Soul Green Mind' itu bertujuan mempromosi budaya hijau serta meningkatkan kesedaran warga kampus akan kepentingan menjaga alam sekitar.

Bercakap tentang program itu, Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS Prof Madya Dr Justin Sentian berkata program

seperti itu amat penting dalam mendidik warga UMS khususnya para pelajar untuk membudayakan kehidupan hijau yang mana banyak memberi manfaat kepada alam persekitaran serta kehidupan mereka sebagai pelajar universiti.

"Melalui program seperti ini juga, secara tidak langsung membantu UMS dalam usaha untuk menjadi sebuah universiti EcoCampus yang pertama di Malaysia," katanya yang turut merasmikan program itu.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang lima hari program itu berlangsung yang antaranya ialah pertandingan 'do it yourself' (DIY) menggunakan bahan kitar semula.

Melalui aktiviti itu, para

pelajar dapat menyerlahkan kreativiti dalam mereka bentuk sesuatu produk menggunakan bahan kitar semula.

Pelbagai aktiviti sampingan telah turut dijalankan

antaranya kutipan kertas serta barangan terpakai, pembersihan pantai 'Outdoor Development Centre' (ODEC) UMS serta seminar konsep hijau yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan.



**PELAJAR UMS melaksanakan aktiviti pembersihan pantai ODEC UMS.**